

# Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
[sembangict@yahoo.com](mailto:sembangict@yahoo.com)

## Beza antara klon dan imej

**A**PAKAH perbezaan di antara proses klon dan imej bagi sesebuah cakera keras?

- REDHA, TELOK MAS.

TERIMA KASIH. Proses klon adalah satu proses menyalin secara keseluruhan dan lengkap bagi sesebuah kandungan cakera keras seperti fail-fail, jadual sekatan dan rekod but utama kepada sesuatu cakera yang lain. Proses ini berlaku secara terus dan mudah dilaksanakan. Hasil cakera keras atau sekatan yang telah diklonkan tadi, boleh terus digunakan pada sesebuah komputer.

Manakala proses pengimejan bagi sesebuah cakera keras adalah proses menyalin secara keseluruhan sesebuah kandungan cakera keras kepada satu fail yang besar yang dikenali sebagai fail imej. Jadi, untuk membolehkan fail imej ini digunakan semula pada sesebuah komputer atau cakera keras, ia perlu melalui satu proses lagi yang dikenali sebagai *restore* atau kembalikan semula fail imej itu kepada keadaan asal.

Kebiasaannya, proses klon dan pengimejan cakera keras ini dilakukan bertujuan untuk proses salinan pendua atau *back up*; atau menaik taraf kepada cakera keras yang lebih besar dan laju. Namun begitu, proses klon ini banyak digunakan untuk proses menaik taraf kepada cakera keras yang lebih besar dan laju. Bagi tujuan salinan pendua, banyak menggunakan teknik pengimejan cakera keras.

Perlu diingatkan bahawa, apabila proses klon dilakukan, hanya satu klon sahaja boleh diletakkan pada sesebuah cakera keras dan ia boleh digunakan secara terus. Oleh itu sekiranya ia dijadikan sebagai salinan pendua ia boleh ditukar ganti dengan cakera utama yang bermasalah dan terus digunakan. Ia juga sesuai dan mudah untuk digunakan secara terus kepada sejumlah komputer yang banyak.

Bagi proses pengimejan cakera keras, fail imej yang terhasil ini boleh diwujudkan secara banyak dan boleh disimpan secara banyak ke dalam satu cakera keras atau beberapa cakera keras yang lain. Sebab itu ia menjadi pilihan utama untuk tujuan membuat salinan pendua.